

BULETIN

JAN - MAC
2022

EDISI 01

BANDAR RAYA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



MBSJ TERIMA

**DATUK BANDAR
BAHARU**

**MBSJ RANCANG
STRATEGI PERKUKUH
PENGURUSAN
BANDAR RAYA**

**BERTINDAK
PANTAS
TANGANI
BENCANA
TANAH
RUNTUH**

**EDISI
PERCUMA**



ISI KANDUNGAN

JANUARI • FEBRUARI • MAC • 2022

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

YBhg. Dato' Johary bin Anuar D.P.M.S.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Puan Noor Sabrina binti Samsudin

PEREKA GRAFIK:

Siti Marlina binti Chek Long
Khairul bin Rosli
Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shahrarolzaman

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman

3

MBSJ RANCANG STRATEGI PERKUKUH
PENGURUSAN BANDARAYA

4

MBSJ TERIMA DATUK BANDAR BAHARU

6

TANGANI BAU BUSUK DI JALAN TK 4/10,
TAMAN KINRARA, PUCHONG

7

BERTINDAK PANTAS TANGANI BENCANA
TANAH RUNTUH

8

BAYAR PARKIR SECARA DIGITAL BERMULA
1 APRIL 2022

9

SESI AUDIT SISTEM PENGURUSAN
BERSEPADU (SPB) TAHUN 2022

10

MESYUARAT PENGUKUHAN /
PENSTRUKTURAN PERJAWATAN MBSJ 2022

11

PENGHARGAAN BUAT HERO YANG TIDAK
DIDENDANG



11

MBSJ SERBU PREMIS RUMAH URUT TANPA
KEBENARAN

12

WARNA-WARNI KOMUNITI:
AKTIVITI MPP BULAN JAN – MAC 2022

14

BAZAR RAMADAN MBSJ 2022

16

PENAT LELAH TERBALAS

18

ERAT HUBUNGAN MELALUI JELAJAH
KAYUHAN BASIKAL

19

MBSJ EDAR 120 SET SUMBANGAN PEK
KERIANGAN SEMPERA SAMBUTAN TAHUN
BARU CINA MBSJ 2022

20

MBSJ HARGAI PERANAN MAJLIS
PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)

22

MPP MBSJ ZON 7 MENANG BERGAYA

23

MBSJ RANGKUL TEMPAT KEDUA DALAM
CUCKOO MALAYSIA PREMIER FUTSAL
LEAGUE 2022





MBSJ RANCANG STRATEGI PERKUKUH PENGURUSAN BANDAR RAYA

Mentadbir sebuah bandar raya memerlukan kesungguhan yang jitu serta perancangan yang strategik. Ini dilaksanakan bagi memastikan pengurusan sesebuah bandar raya dapat dilakukan dengan baik bagi mencapai ekspektasi pemegang taruh.

Justeru itu, bagi memastikan agenda pembangunan dirancang dengan sebaiknya serta menilai semula pencapaian projek, MBSJ telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Strategik dan Pelan Operasi Bajet Tahunan (POBT) MBSJ 2022 pada 24 hingga 26 Februari 2022 bertempat di Swiss Garden Hotel & Residences, Genting Highlands.

Dalam ucapan perasmian, YBhg. Dato' Johary telah menjelaskan MBSJ perlu pantas melakukan perubahan dari 'market fixers to market shapers' bagi memastikan tadbir urus bandar yang berkesan.

Dalam ucapan yang sama, beliau juga turut membangkitkan mengenai isu lain seperti Strategi Bandaraya MBSJ Tahun 2022, dasar memudahkan cara perniagaan, pembangunan lestari, daya tahan bencana, industri halal, industri pelancongan, pengurusan pintar aset jalan raya, koordinasi bantuan pembangunan ekonomi Subang Jaya, pembangunan belia, e-sukan dan Sukan Daerah, Bandaraya Rahmah Ummah Sejahtera, persiapan menghadapi anugerah-anugerah utama, penjimatan kos perbelanjaan, inovasi dalam perkhidmatan, piawaian penyampaian perkhidmatan serta kecemerlangan berterusan MBSJ.

Di dalam program yang disertai oleh kesemua Ketua Jabatan MBSJ ini, kesemua pegawai telah memberikan komitmen yang tinggi dengan penglibatan yang menyeluruh membincangkan mengenai halatuhu MBSJ berdasarkan kepada Analisa

Keseluruhan Prestasi POBT Tahun 2021 serta Hasil Pelaksanaan Projek yang dilaksanakan. Turut diadakan pembentangan Pencapaian Pelan Tindakan Khas yang dilaksanakan oleh MBSJ.

“ Terdapat 6 isu penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan Bandaraya Subang Jaya kekal sebagai destinasi tarikan dan pilihan utama Bandaraya Mampuan Yang Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman iaitu Kesihatan Awam, Alam Sekitar, Tadbir Urus Digitalisasi, Sistem Perdagangan Yang Saksama, Peningkatan Pelaburan dan kepentingan Jaringan Rangkaian Bekalan.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar D.P.M.S
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya





MBSJ DATUK BAH

Memikul amanah yang digalas di bahu bukanlah suatu tugas yang mudah lebih-lebih lagi untuk meneruskan sebuah legasi kecemerlangan. Namun YBhg. Dato' Johary bin Anuar tetap bersemangat menerima tugas ini selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang kedua bagi menggantikan TPr. Noraini binti Roslan, Mantan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kini telah bertugas di Majlis Perbandaran Klang.



“

Komitmen transformasi pembangunan bandar mampan akan terus disepadukan dengan elemen sosial, ekonomi, rohani dan alam sekitar kekal sebagai dimensi utama.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar D.P.M.S
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

”



Terima BANDAR BARU



Majlis Mengangkat Sumpah serta Menandatangani Watakah Perlantikan telah diadakan pada 8 Februari 2022 yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Berbekalkan 22 tahun pengalaman dalam perkhidmatan awam khususnya

dalam bidang Pengurusan Pentadbiran dan Pembangunan Perbandaran, beliau yang sebelum ini pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Daerah Petaling dan juga selaku Timbalan Datuk Bandar di Majlis Bandaraya Petaling Jaya, bersedia mendepani segala cabaran yang akan dihadapinya kelak.

Dalam ucapannya, beliau memaklumkan bersedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan dalam mencorakkan bandar raya ini untuk terus cemerlang, gemilang serta berdaya saing.

"Amanah digalas dibahu saya, sudah pasti misi seterusnya adalah mengekalkan momentum kecemerlangan sedia ada dan melakukan penambahbaikan secara berterusan terhadap mutu

penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi warga MBSJ. Justeru dengan harapan dan aspirasi baharu, Insya-Allah kita semua akan bersama-sama menggembleng tenaga untuk mengembalikan semula keyakinan pemegang taruh serta masyarakat di dalam kawasan pentadbiran MBSJ," kata beliau.

Ditanya mengenai agenda utama beliau ketika ini, beliau menjelaskan terdapat beberapa perkara yang perlu diberi penekanan yang serius bagi memastikan MBSJ sentiasa berada di landasan yang tepat.

"Pengukenan daya tahan bandar akan menjadi agenda utama MBSJ bagi menangani cabaran pandemik dan perubahan iklim dalam memastikan warga MBSJ dapat menjalani kehidupan sejahtera," jelasnya.



Barisan Pengurusan Tertinggi dan Ketua-ketua Jabatan
Majlis Bandaraya Subang Jaya



Barisan Pengurusan Tertinggi dan Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Subang Jaya



TANGANI BAU BUSUK

DI JALAN TK 4/10, TAMAN KINRARA, PUCHONG



Kehadiran cecair hitam serta bau busuk menusuk hidung yang dilaporkan berpunca dari air sisa sampah (leachate) dari tanah lot berhampiran amat mengganggu penduduk di sekitar Jalan TK 4/10, Taman Kinrara 4, Puchong Selangor.

Justeru itu, bagi menangani permasalahan tersebut, YBhg. Dato' Johary bin Anuar telah mengarahkan untuk penyelesaian segera dilakukan dalam perbincangan bersama semua pemilik tanah yang terlibat pada 23 Februari 2022 dan proses kerja di lapangan telah mula dijalankan dalam tempoh 24 jam.

Pihak syarikat Worlwide Holding Bhd. telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan tersebut meliputi kerja-kerja mengenalpasti punca air di dalam tanah dan menjalankan proses mengeluarkan dan merawat cecair tersebut berdasarkan pengalaman mereka.

"Proses kerja telah dijalankan kelmarin melibatkan kerja mengorek beberapa perigi bagi menakung cecair di dalam



tanah dan seterusnya menyedut cecair tercemar berkenaan keluar menggunakan lori tangki sebelum ia dilupuskan," ujar Encik Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ.

Beliau juga menjelaskan kerja-kerja berkenaan dijangka selesai dalam tempoh tiga minggu dengan kos operasi

ditanggung pemilik tanah.

"Tindakan kompaun telah dikenakan kepada pemilik tanah," katanya.

MBSJ ingin menyeru kepada semua pemilik tanah untuk sentiasa menjaga bagi memastikan kejadian seperti ini tidak berulang.



BERTINDAK PANTAS TANGANI BENCANA TANAH RUNTUH



Pemilik premis di Jalan LP1A/2, Taman Lestari Perdana, Seri Kembangan gempar apabila berlaku kejadian tanah runtuh pada 25 Januari 2022 yang lalu. Bencana yang berlaku pada jam 6.38 petang itu menjadi semakin hangat apabila satu video berdurasi 15 saat tular di media sosial memaparkan dua lelaki yang berada berdekatan tebing longkang tersebut berlari menyelamatkan diri sebaik menyedari tebing berkenaan runtuh dan kelihatan lima buah kenderaan rosak teruk disebabkan bencana tersebut.

PENYELESAIAN JANGKA PENDEK

Lanjutan daripada kejadian tebing longkang utama runtuh setinggi 9 meter di Jalan LP1A/2, Lestari Perdana Seri Kembangan, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengambil tindakan segera menanam cerucuk kepingan *sheet pile* 12 kaki secara sementara sepanjang 150 meter di kawasan runtuhan bertujuan menahan pergerakan tanah bagi mengelakkan kejadian lebih buruk berlaku. Kerja-kerja pemasangan ini telah mula dilaksanakan jam 1.00 pagi pada hari kejadian.

PANTAS MBSJ juga telah diarahkan untuk bertugas bagi memantau lokasi kejadian serta mengenalpasti sekiranya terdapat sebarang pergerakan tanah yang boleh menimbulkan bahaya atau kejadian berulang.

Pada 26 Januari 2022, jam 8.00 pagi, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Pegawai Daerah Petaling (kini Datuk Bandar MBSJ), YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Ir. Hj. Rosli bin Yunus, Pengarah

Jabatan Kejuruteraan MBSJ, YDH ACP A.A. Anbalagan, Ketua Polis Daerah Serdang bersama PKPJ Norazam bin Khamis, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor telah melawat tapak runtuhan bagi memantau kerja-kerja pembaikan tebing yang sedang giat dijalankan.



Dalam lawatan tersebut, beliau menjelaskan pihaknya akan mengadakan perbincangan bersama MBSJ bagi memutuskan tindakan penyelesaian jangka panjang berhubung kejadian tanah runtuh.

Dalam masa yang sama, YDH ACP A.A. Anbalagan, Ketua Polis Daerah Serdang memaklumkan turut mengarahkan 26 pemilik premis perniagaan di kawasan berhampiran menghentikan sementara perniagaan sebagai langkah keselamatan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat juga turut melakukan pemantauan selain pihak polis turut memperluaskan pemasangan tali kuning bagi mengelakkan orang awam menghampiri kawasan berkenaan.

Pada hari yang sama juga, YB Tuan Ir. Izham bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani turut meninjau



pelaksanaan kerja-kerja pembaikan di lokasi dan memaklumkan akan mengadakan perbincangan bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya serta Pejabat Daerah dan Tanah Petaling juga akan diadakan dalam masa terdekat bagi menyiasat punca insiden selain mengambil langkah jangka panjang.

PENYELESAIAN JANGKA PANJANG

Bagi mengelakkan kejadian ini dari berterusan, MBSJ telah mengadakan perbincangan dan kajian menyeluruh bersama agensi yang berkaitan termasuk Kumpulan Ikram Engineering Services Sdn. Bhd. bagi mengenalpasti punca kegagalan struktur tebing yang runtuh.

Mesyuarat khas bersama pemilik premis yang terlibat dalam kejadian tanah runtuh turut diadakan pada 15 Februari 2022 bertempat di Dewan Orang Ramai Dr. George Lim, Seri Kembangan dan telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ dan Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Hadir bersama YB Tuan Gobind Singh Deo, Ahli Parlimen Puchong, YB Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita merangkap



ADN Seri Serdang, YDH ACP A.A. Anbalagan, Ketua Polis Daerah Serdang, PPgB (Pen. Penguasa Bomba) Muhammad Zaikunor Afendi bin Md Nordin, Bomba Zon Petaling dan Puan Nurmaizatul Akmal binti Che Azhan, Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

Dalam mesyuarat ini, telah dibentangkan hasil penilaian tapak dan status baik pulih yang telah dijalankan. Selain itu juga, pelan jangka panjang di kawasan terlibat turut dibentangkan. Sesi ini juga memberi peluang kepada pemilik premis untuk menyuarakan pendapat dan maklumbalas mereka.

Dianggarkan kerja-kerja pembaikan menyeluruh tebing ini dijangkakan siap dalam tempoh 3 bulan.





BAYAR PARKIR SECARA DIGITAL BERMULA 1 APRIL 2022

Bermula 1 April 2022, Kerajaan Negeri Selangor akan memulakan pembayaran parkir secara digital melalui aplikasi 'Smart Selangor Parking' (SSP) di mana tiada lagi penggunaan kupon parkir secara manual.

Penggunaan teknologi digital ini dilaksanakan bagi memberi kemudahan kepada pemilik kenderaan dan ianya boleh dimuat turun di *Apple App Store*, *Google Play* serta *Huawei App Gallery*.

Seterusnya, bagi mereka yang tidak mempunyai peranti telefon ataupun aplikasi SSP, mereka tidak perlu risau kerana mereka masih boleh membuat pembayaran menggunakan e-Kupon melalui 100 ejen kupon yang dilantik Kerajaan Negeri Selangor yang memaparkan tanda 'SSP' atau 'e-Kupon dijual di sini'.



Bagi pelanggan yang telah mempunyai kupon dan ingin menukarkan baki kupon kepada kredit di aplikasi SSP, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengadakan Program Penggantian Kupon ke Kredit yang berlangsung selama 3 hari iaitu pada 26 Mac 2022 sehingga 28 Mac 2022 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ SS15, Subang Jaya.

Sebagai makluman, 'Smart Selangor Parking' merupakan sistem pembayaran parkir secara digital yang merentasi Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor. Selain itu juga, aplikasi ini juga menawarkan perkhidmatan semakan dan pembayaran kompaun PBT di Selangor.





SESI AUDIT

SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB) TAHUN 2022

Pada 2 hingga 4 Mac 2022 yang lalu, telah berlangsung Sesi Auditan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) yang merangkumi hampir keseluruhan Proses Kerja Majlis iaitu MS ISO 9001:2015 (Sistem Pengurusan Kualiti), ISO/IEC 27001:2013 (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat), ISO 37001:2016 (Sistem Pengurusan Antirasuah) dan juga MS 1900:2014 (Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah Skop Pengurusan Kewangan).

Sepanjang proses pengauditan ini berlangsung, sebanyak 21 jabatan dalaman telah terlibat secara talian bagi mematuhi norma baharu. Hasil auditan yang dilaksanakan, dimaklumkan hasil auditan MBSJ adalah baik.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ merakamkan penghargaan kepada semua yang telah terlibat di dalam audit tersebut dan diharapkan semua kakitangan dapat mengekalkan kecemerlangan dan pencapaian di masa hadapan.



Sesi pembukaan auditan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ seterusnya sesi pengauditan telah dipimpin oleh Encik Mohd Syed Faddy bin Syed Bahrudin, selaku Ketua Pasukan Audit SIRIM dan barisan panel penilai daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. serta Inspektorat Kualiti Dalaman MBSJ.



MESYUARAT PENGUKUHAN / PENSTRUKTURAN PERJAWATAN MBSJ 2022



Pada 8 - 9 Februari 2022 bertempat di Empire Hotel, Subang Jaya telah berlangsung mesyuarat Pengukuhan / Penstrukturan Perjawatan MBSJ 2022.

Mesyuarat ini diadakan bersempena dengan status naik taraf Bandaraya MBSJ yang melibatkan pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) SUK.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ turut meluangkan masa menghadiri perbincangan tersebut bagi

memastikan penstrukturan perjawatan dilaksanakan dengan teratur.

Hasil perbincangan tersebut, MBSJ akan mengemukakan kertas cadangan penstrukturan yang lengkap kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan dan kelulusan.



PENGHARGAAN BUAT HERO

YANG TIDAK DIDENDANG

Memikul amanah dengan penuh tanggungjawab di dalam melaksanakan tugas merupakan bukti komitmen penjawat awam di dalam melaksanakan tugas.

Komitmen ini jelas dipamerkan hero yang tidak didendang, Allahyarham Mohd Ikram bin Bakri, Pembantu Kesihatan Awam MBSJ yang meninggal dunia ketika bertugas menabur bakti melaksanakan tugas sukarelawan Misi Pembersihan Pascabanjir di Kampung Bukit Lanchong.

Jasa allahyarham akan sentiasa dikenang dan menjadi inspirasi kepada seluruh warga kerja di MBSJ di dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan sekaligus memberikan perkhidmatan yang terbaik sebagai seorang penjawat awam.

Sebagai penghormatan serta menghargai jasa serta bakti Allahyarham Mohd Ikram, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah meluangkan masa menziarahi serta menyampaikan

sumbangan kepada isteri dan keluarga Allahyarham Mohd Ikram pada 11 Januari 2022.

Seluruh warga MBSJ mengucapkan takziah kepada keluarga allahyarham dan semoga roh allahyarham dicucuri rahmat.

AL-FATIHAH



MBSJ SERBU PREMIS

RUMAH URUT TANPA KEBENARAN

Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengadakan Operasi Tindakan Khas Premis Rumah Urut Tanpa Kebenaran di kawasan komersial Bandar Puteri, Puchong pada 11 Mac 2022 yang lalu.

Operasi yang dilaksanakan ini diketuai oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, Encik Muhammad Zaki bin Yusoff, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBSJ dan juga Encik Nor Azmi bin Mohd Rosli, Pengarah Jabatan Bangunan MBSJ. Turut serta 3 orang Pegawai Penguatkuasaan bersama 29 anggota penguatkuasaan telah menjalankan operasi yang melibatkan aktiviti pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan bagi menumpaskan kegiatan tidak bermoral yang berlandung di sebalik nama pusat urut ini.

Dalam operasi yang diadakan di 2 lokasi yang berasingan ini, 2 buah premis rumah urut telah dikenakan tindakan penutupan premis serta sitaan pelbagai barangan premis (kamera litar tertutup, kondom, peralatan seks dan lain-lain) di bawah UUK 42 dan UUK 36 (1), Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan 2013 kerana menjalankan perniagaan tanpa kebenaran.



Datuk Bandar MBSJ memaklumkan operasi ini akan diteruskan pada masa hadapan bagi mengekang permasalahan tersebut.

"Pada masa hadapan MBSJ akan mengadakan siasatan yang lebih kerap dan bagi penduduk yang mengesyaki terdapat aktiviti tidak bermoral atau menyalahi syarat-syarat lesen boleh menghubungi MBSJ untuk kita mengambil tindakan," ujarnya.





WARNA-WARNI KOMUNITI

AKTIVITI MPP BULAN JAN – MAC 2022

Januari

MPP
ZON 2



16 Januari 2022 (Ahad)
Program Sumbangan Aerosol Dan Abate MPP Zon 2
Indah Court, Bandar Sunway

MPP
ZON 4



23 Januari 2022 (Ahad)
Sumbangan Wang Tunai RM50 & Barangan Asas Kepada
20 Orang Sempena Tahun Baru Cina
Pusat Komuniti MPP Zon 4

MPP
ZON 8



17 Januari 2022 (Isnin)
Gotong Royong Pembersihan Pascabanjir
Balai Masyarakat MPP Zon 8

MPP
ZON 13



8 Januari 2022 (Sabtu)
Kelas Hands Off
Balai Masyarakat Puchong Perdana

MPP
ZON 16



9 Januari 2022 (Ahad)
Program Pertandingan Woodball (Piala YB Ng Sze Han)
Padang Taman Rekreasi Taman Wawasan

Februari

MPP
ZON 1



6 Februari 2022 (Ahad)
Program Anti Denggi
Pangsapuri SS13, Subang Jaya

MPP
ZON 17



4 Februari 2022 (Rabu)
Taklimat Cegah Jenayah Bersama PDRM
Jalan 18/53, Taman Sri Serdang

MPP
ZON 24



25 Februari 2022 (Jumaat)
Program Kitar Semula Oleh NGO Tzu-Chi
Pusat Kitar Semula Jalan SB Indah 2

MPP
ZON 4



24 Februari 2022 (Khamis)
Kelas Muzik, Gitar & Dram
Blok H, Pangsapuri Angsana

MPP
ZON 1



26 Februari 2022 (Sabtu)
Kelas Memasak Kek Kentang
Pangsapuri Seri Jati

Mac

MPP
ZON 10



6 Mac 2022 (Ahad)
Program Kebun Komuniti
Balai Masyarakat Puchong Jaya

MPP
ZON 3



19 Mac 2022 (Sabtu)
Program Penyerahan Sumbangan Kembali ke Sekolah
Pusat Khidmat Parlimen Puchong

MPP
ZON 5



25 Mac 2022 (Jumaat)
Program Penyampaian Cenderahati Kepada Balai Polis
Pinggiran USJ Semperna Hari Polis Ke-215
Balai Polis Pinggiran USJ

MPP
ZON 9



27 Mac 2022 (Ahad)
Program Sumbangan Back To School
Balai Masyarakat MPP Zon 9

MPP
ZON 11



27 Mac 2022 (Ahad)
Program Kursus Pedicure & Manicure
Balai Masyarakat TK5/14



Baz Ram

Dari kejauhan, kedengaran laungan lantang penjaja menjerit nama jualan mereka. Serentak dengan itu, hidung terbau aroma makanan yang dipanggang. Hiruk pikuk sebegini telah lama tidak dirasai. Semenjak negara kita mula dilanda COVID-19.

Namun situasinya amat berbeza tahun ini apabila Kerajaan Malaysia memberi kelonggaran dalam pengoperasian Bazar Ramadan pada tahun 2022 ini. Lantas, kesempatan ini digunakan sebaiknya oleh peniaga yang terjejas sebelum ini. Peluang keemasan direbut dengan sebaiknya sejurus MBSJ mula membuka Permohonan Bazar Ramadan MBSJ 2022.

PERMOHONAN PERMIT BAZAR RAMADAN MBSJ TAHUN 2022

Sebagai peneraju Permohonan Bazar Ramadan Secara Dalam Talian, MBSJ telah membuka Permohonan Permit Bazar Ramadan seawal 12 Januari 2022 dan ianya berlangsung sehingga 31 Januari 2022. Permohonan perlu dikemukakan melalui laman sesawang rasmi MBSJ iaitu www.mbsj.gov.my atau mengimbas kod bar poster yang dimuatnaik di media sosial MBSJ.

Semua peniaga yang berminat perlu mendaftar sebagai pengguna my@MBSJ sebelum meneruskan permohonan di mana semua urusan dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian iaitu mendaftar, muat naik dokumen sokongan dan proses pembayaran juga dibuat secara dalam talian.

Pada tahun ini, sebanyak 1,251 petak disediakan di 16 lokasi Bazar Ramadan membabitkan zon Subang Jaya (300 petak), Puchong (371 petak), Kinrara (180 petak) dan Serdang / Seri Kembangan (400 petak).

Ini berbeza dengan keadaan pada tahun 2021 di mana MBSJ hanya memperuntukkan 440 petak niaga bagi memastikan pematuhan SOP yang ditetapkan dengan MBSJ menjadi Pihak Berkuasa Tempatan Pertama memperkenalkan e-Bazar Ramadan dan e-Bazar Raya dengan kerjasama Selangor Digital e-Supply Chain (SELDEC) bagi menampung pengurangan petak Bazar Ramadan.

SESI UNDIAN PETAK TAPAK BAZAR RAMADAN MBSJ 2022

Bagi memastikan pemilihan petak dilaksanakan secara telus dan adil, MBSJ telah mengadakan Sesi Undian Tapak pada 21 Februari 2022 yang lalu di mana sesi cabutan ini turut melibatkan tiga orang Ahli Majlis MBSJ.

Sesi cabutan undi ini juga turut menjemput wakil Jabatan Integriti MBSJ sebagai pemerhati di dalam pelaksanaan sesi undian secara terbuka ini.



KARNIVAL BAZAR RAMADAN MBSJ 2022

Karnival Bazar Ramadan MBSJ Tahun 2022 telah berlangsung selama 3 hari bermula 8 hingga 10 Mac 2022 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Indah, Puchong, Selangor.

Karnival ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada peniaga berkenaan urusan niaga dalam talian serta memperkenalkan syarat-syarat berniaga di bazar Ramadan, termasuk SOP terbaru daripada kerajaan kepada 764 peniaga yang telah berjaya di dalam permohonan mereka.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah merasmikan Majlis Pelancaran Karnival Bazar Ramadan MBSJ

2022 dan di dalam majlis yang sama Syarikat Mamee Double-Decker (M) Sdn. Bhd. telah menyerahkan sumbangan tajaan bernilai RM50,000.00 manakala Syarikat Best Marketing & Distributor Sdn. Bhd. turut membuat sumbangan tajaan sebanyak RM10,000.00.

Datuk Bandar juga berbesar hati menyerahkan sijil penghargaan kepada 10 rakan sinergi iaitu pihak Maybank Berhad, Platform Selangor, Rangkaian e-Bekalan Digital Selangor (SELDEC), Yayasan Hijrah Selangor, KPMC Puchong Specialist Centre, AmBank Islamic Berhad, Mahsuri Food Sdn. Bhd. dan Tech Hunter (M) Sdn. Bhd. yang terlibat dengan karnival pada kali ini.



INISIATIF HIJAU BAZAR RAMADAN MBSJ

Bagi memastikan kelestarian alam sekitar di pentadbirannya, MBSJ telah mengambil beberapa inisiatif bagi memastikan kehijauan bumi termasuklah di Bazar Ramadan MBSJ.

Di antara inisiatif yang diambil adalah meningkatkan kesedaran pengunjung Bazar Ramadan untuk tidak menggunakan plastik

sekali guna melalui kempen "Jom Bawa Bekas Sendiri".

Kempen ini diadakan bagi menggalakkan orang ramai untuk membawa bekas makanan sendiri untuk tujuan pembungkusan makan yang dibeli. Bagi menggalakkan pengunjung bazar menyahut seruan kempen tersebut, pada tahun ini, MBSJ telah menyediakan baucar bernilai RM5.00 untuk pengunjung terawal pada setiap hari Rabu yang membawa bekas makanan mereka. Baucar tersebut boleh ditebus untuk pembelian makan / minuman di Bazar Ramadan MBSJ dan perlu digunakan pada hari yang sama.

Selain itu juga, bagi memastikan kelestarian bumi, MBSJ juga turut melibatkan peniaga di dalam program penghijauan bumi melalui beberapa inisiatif hijau. Di antara inisiatif yang diambil adalah seperti mengekalkan larangan penggunaan bekas makanan polisterina dan penyedut minuman plastik yang

telah dikuatkuasakan sejak tahun 2015 lagi. Bukan itu sahaja, MBSJ juga turut menyediakan tong kitar semula minyak masak terpakai bagi memupuk semangat kitar semula.

PENGUNAAN E-DOMPET DI BAZAR RAMADAN MBSJ



Pada 26 November 2021 yang lalu, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah mengumumkan Negeri Selangor akan melancarkan perkhidmatan e-dompot pada tahun ini bagi mewujudkan masyarakat nirtunai (cashless society).

Justeru itu, bagi menyahut seruan tersebut, MBSJ telah mewajibkan peniaga Bazar Ramadan di bawah pentadbiran MBSJ menggunakan transaksi tanpa tunai.

Penggunaan e-dompot itu bertujuan mengurangkan sentuhan dan mengekang penularan wabak Covid-19.

"Pihak MBSJ akan membuat semakan dan pemantauan bagi memastikan semua peniaga menyediakan kemudahan e-dompot di gerai masing-masing."

"Usaha ini juga diharap agar lebih ramai pengunjung bazar dapat mempraktikkan amalan tanpa tunai di samping menjadikan kaedah tersebut sebagai pembayaran utama di negeri ini," ujar Datuk Bandar.

Jelasnya lagi, kesemua peniaga wajib mempamerkan jenis saluran e-dompot yang boleh digunakan oleh pelanggan di gerai masing-masing.

Untuk makluman, MBSJ turut bekerjasama dengan rakan sinergi bagi menjayakan kaedah tanpa tunai itu antaranya Maybank Berhad, AmBank Islamic Berhad, Touch n Go dan Rantaian e-Bekalan Digital Selangor (SELDEC).



Penat Lelah TERBALAS

Titik peluh mereka akhirnya terbalas apabila seramai 118 pegawai dan kakitangan cemerlang MBSJ telah menerima penghargaan dari YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ (APC) Tahun 2021 yang berlangsung pada 25 Mac 2022 yang lalu bertempat di Ballroom: Shah Alam 2, Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam, Selangor.

Majlis anugerah ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan di atas segala sumbangan dan dedikasi warga kerja MBSJ. Kesemua penerima anugerah telah diraikan dalam satu majlis yang berlangsung mengikut ketetapan norma baru serta mereka turut diberi Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.00 beserta sijil penghargaan.

Di dalam ucapan perasmianya, Datuk Bandar MBSJ menzahirkan ucapan penghargaan kepada semua penerima APC.

"Tahniah diucapkan dan saya berharap anugerah ini dapat menyuntik semangat penerima untuk terus berkhidmat dengan cemerlang sekaligus mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan warga kerja MBSJ," ujar beliau.

"Semoga kejayaan mereka juga menjadi pendorong kepada kakitangan lain untuk terus meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi," katanya.

Pada masa yang sama, MBSJ turut meraikan 12 pesara yang berkhidmat selama 25 tahun yang menerima sijil






penghargaan serta wang saguhati berjumlah RM1,200.00.

MBSJ turut ,memberi penghargaan kepada lima anggota Skwad Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) yang melaksanakan tugas penuh dedikasi ketika bah melanda pada Disember tahun lalu. Bukan itu sahaja, MBSJ turut memberikan penghargaan kepada Ahli Sukan yang bergiat aktif di dalam bidang sukan.



Sebagai makluman, di antara asas Penilaian Pencalonan Penerima APC adalah mereka yang telah memperoleh markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) sebanyak 95% ke atas, bebas dari sebarang tindakan tatatertib dalam tahun penilaian serta aktif dalam kegiatan dan sumbangan di luar tugas rasmi.





ERAT HUBUNGAN MELALUI

JELAJAH KAYUHAN BASIKAL

Matahari yang terik menyinar tidak berjaya mematahkan semangat YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ, YBrS. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar bersama-sama 25 kakitangan Majlis Bandaraya Subang Jaya meneruskan jelajah kayuhan basikal pada 12 Februari 2022 yang lalu.

Jelajah Kayuhan Basikal sejauh 137.90 km ini telah bermula di Pejabat Cawangan MBSJ, Bandar Puteri, Puchong seterusnya ke Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan juga ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Jelajah kayuhan Basikal ini diadakan bagi meningkatkan

stamina serta kecergasan kakitangan selain dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama di antara MBSJ, MBS dan juga MBMB.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada YBrS. Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban serta warga MBS. Tidak dilupakan juga YBhg. Tuan Sulaiman bin Atan, Setiausaha Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan kakitangan atas layanan mesra yang diberikan.

Pihak MBSJ ingin merakamkan setinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan semoga ianya dapat diteruskan lagi di masa hadapan.



MBSJ EDAR 120 SET SUMBANGAN PEK KERIANGAN

SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA MBSJ 2022



Sambutan Tahun Baru Cina Spada kali ini pastinya berbeza dengantahun-tahunsebelumnya yang mana masyarakat perlu menyambutnya dengan amalan norma baharu dan sederhana sekaligus mengambil langkah berjaga-jaga ekoran peningkatan kes positif Covid-19 varian Omicron di Malaysia.

Justeru, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah mengambil inisiatif bagi meraikan sambutan Tahun Baru Cina di peringkat MBSJ melalui edaran 120 sumbangan kerianan bersesuaian dengan sambutan Chap Goh Mei yang jatuh pada 15 Februari 2022 (Selasa). Festival tanglung atau dalam dialek Hokkien disebut, Chap Goh Meh yang bermaksud 'Malam ke-15 Tahun Baru Cina' adalah merupakan hari terakhir perayaan Tahun Baru Cina. Ahli keluarga akan berkumpul bersama untuk makan malam, membunyikan mercun dan bermain mahjong selain upacara sembahsan dilakukan dalam kadar yang lebih besar. Bakul makanan yang diedarkan adalah merupakan hidangan tradisi kaum cina yang terdiri

daripada pelbagai jenis makanan yang melambangkan kemakmuran dan kesejahteraan untuk dinikmati bersama seisi keluarga.

Bagi memastikan proses edaran ini mengikut prosedur operasi standard (SOP) penjarakan yang telah ditetapkan, edaran telah dijalankan melalui penghantaran terus ke rumah menggunakan perkhidmatan 'e-hailing' melalui Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ. Simbolik penyerahan sumbangan kerianan kepada kesemua wakil MPP telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ diiringi YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ

bertempat di Ruang Legar, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya bermula jam 12.30 tengah hari.

Pada sesi edaran ini, setiap penerima akan diberikan set sumbangan kerianan yang bernilai RM165.00 setiap satu beserta Ang Pow bernilai RM68.00. Sumbangan ini telah diedarkan kepada 120 orang penerima daripada golongan B40 yang telah dikenal pasti melalui Ahli Majlis MBSJ zon masing-masing di mana MPP telah menamakan lima (5) orang penerima bagi setiap zon.





MBSJ Hangai Peranan MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)

Kegembiraan terpancar di wajah Puan Lee Jen Uyin dan juga Ahli Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 3 apabila mereka diumumkan sebagai penerima Anugerah MPP MBSJ Keseluruhan Terbaik bagi Tahun 2021 pada 28 Januari 2021 yang lalu.

Anugerah tersebut telah diterima di dalam Majlis Anugerah MPP Dan Pelancaran Pakej Pelancongan MBSJ 2021 yang telah berlangsung di Sunway Resort Hotel. Hadiah telah disampaikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor. Turut hadir di dalam majlis tersebut YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang

serta YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya.

Seramai 321 jemputan telah hadir di dalam Majlis Pengiktirafan tersebut yang telah diadakan bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada barisan Ahli Majlis dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di atas usaha-usaha sumbangan yang disalurkan kepada penduduk dan masyarakat

bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

Sebanyak 10 kategori Anugerah telah dipertandingkan di dalam Majlis tersebut. Turut berlangsung Majlis Pelancaran Pakej Pelancongan MBSJ 2022 di mana program ini merupakan satu inisiatif yang baik bagi melonjakkan lagi aktiviti sosial dan ekonomi penduduk setempat serta mempromosikan tempat-tempat menarik dan makanan

yang tular di pentadbiran MBSJ.

Pihak MBSJ merakamkan ucapan tahniah kepada MPP yang berjaya dan semoga momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada masa hadapan dalam usaha bersama menyalurkan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada penduduk.



SENARAI PEMENANG MAJLIS ANUGERAH MPP DAN PELANCARAN PAKEJ PELANCONGAN MBSJ 2021

10 Anugerah dipertandingkan dan pemenangnya seperti berikut:

1. Anugerah Program Kemasyarakatan MPP MBSJ Terbaik 2021

Tempat 1: MPP ZON 3
Tempat 2: MPP ZON 4
Tempat 3: MPP ZON 1

2. Anugerah Pengurusan Projek Inden MPP MBSJ Terbaik 2021

Tempat 1: MPP ZON 7
Tempat 2: MPP ZON 16
Tempat 3: MPP ZON 24

3. Anugerah Kebun Komuniti MPP MBSJ Terbaik 2021

Tempat 1: MPP ZON 3
Tempat 2: MPP ZON 4
Tempat 3: MPP ZON 1

4. Anugerah Pengurusan Pentadbiran MPP MBSJ Terbaik 2021

Tempat 1: MPP ZON 16
Tempat 2: MPP ZON 10
Tempat 3: MPP ZON 4

5. Anugerah Program Pangsapuri dan Kampung Angkat Komuniti Berdaya MBSJ Terbaik 2021

Tempat 1: MPP ZON 20 (Pangsapuri Kos Rendah Sri Serdang)
Tempat 2: MPP ZON 15 (Pangsapuri Puchong Utama Court 1)
Tempat 3: MPP ZON 4 (Pangsapuri Angsana G & H)

6. Anugerah Khas Pangsapuri dan Kampung Angkat Berdaya Kendiri MBSJ 2021

9 Pangsapuri yang berjaya sendiri iaitu :

MPP ZON 20: Pangsapuri Kos Rendah Sri Serdang
MPP ZON 15: Pangsapuri Puchong Utama Court 1
MPP ZON 4: Pangsapuri Angsana Blok G & H
MPP ZON 3: Pangsapuri Subang Perdana Good Year Court 9A
MPP ZON 12: Kampung Sri Langkas & Sri Langkas Tambahan
MPP ZON 5: Pangsapuri Nipah
MPP ZON 14: Pangsapuri F1-F4 Puchong Permai
MPP ZON 17: Pangsapuri Sri Sentosa
MPP ZON 19: Pangsapuri Ruselia, Taman Pinggiran

7. Anugerah Kejiranan Selamat Kampung Dalam Bandar

Tempat 1: MPP ZON 7 (Kampung Bukit Lanchong)
Tempat 2: MPP ZON 12 (Kampung Sri Aman Dalam)
Tempat 3: MPP ZON 17 (Kampung Batu 14)
Tempat 4: MPP ZON 22 (Kampung Baru Seri Kembangan)

Saguhati (3 Penerima) :

MPP ZON 8 (Kampung Kenangan),
MPP ZON 9 (Sri Puchong)
MPP ZON 10 (Kampung Lembah Kinrara)

8. Anugerah Kitar Semula MPP MBSJ Terbaik 2021

Tempat 1: MPP ZON 24
Tempat 2: MPP ZON 20
Tempat 3: MPP ZON 4

9. Anugerah Pegawai Kawasan / Pegawai Rejuvernasi Komuniti (PRK) MPP MBSJ Terbaik 2021

1. Ayu Yunita binti Ahmad Sabri (MPP ZON 7)
2. Mimi Baizurah binti Hj. Jani (MPP ZON 5)
3. Azliza binti Daud (MPP ZON 4)
4. Mohd Shahrilsham bin Mohd Mohtar (MPP ZON 8)
5. Siti Aminah binti Hashim (MPP ZON 17)
6. Muhammad Shahrizal bin Samsi Baharum (MPP ZON 20)

10.

Anugerah MPP MBSJ Keseluruhan Terbaik Tahun 2021

JUARA :
MPP ZON 3 :
Puan Lee Jen Uyin



MPP MBSJ ZON 7 MENANG BERGAYA

Gegak gempita kedengaran dari sorakan 400 penonton yang membanjiri Arena Majlis Bandaraya Subang Jaya apabila Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 7 telah dinobatkan sebagai Juara Kejuhan Bola Sepak Antara MPP MBSJ 2021 yang berlangsung pada 21 Januari 2022 yang lalu.

MPP MBSJ ZON 7 telah berjaya menewaskan MPP MBSJ Zon 9 dengan mata 2-1 bagi merangkul kejuaraan tersebut dan telah membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000.00 berserta medal dan piala iringan.

Walaupun kurang bernasib baik dengan menduduki tempat kedua perlawanan, MPP MBSJ Zon 9 tetap bertuah kerana memenangi wang tunai berjumlah RM1,500.00 beserta medal manakala di tempat ketiga telah dimenangi secara bersama oleh pasukan MPP Zon 17 dan

MPP Zon 12 yang membawa wang tunai RM1,000.00 berserta medal.



Di dalam program yang sama juga, turut diadakan perlawanan persahabatan antara pasukan pengurusan tertinggi MBSJ bersama pasukan selebriti dengan keputusan seri 1-1 sebagai pembuka kejuhan tersebut.

Sebagai makluman, Kejuhan Bola Sepak Antara Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ telah dianjurkan bersempena sambutan ulang tahun

pertama MBSJ pada 20 Oktober yang lalu. Sebanyak 24 pasukan telah bertanding bagi kategori terbuka untuk merebut piala kejuhan.

Objektif perlaksanaan kejuhan adalah bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara pihak MBSJ dan komuniti sekaligus membentuk budaya bersukan di kalangan komuniti setempat dan menggalakkan gaya hidup sihat.





MBSJ RANGKUL TEMPAT KEDUA

DALAM CUCKOO MALAYSIA PREMIER FUTSAL LEAGUE 2022

Pada 23 Mac 2022 yang lalu, telah berlangsung perlawanan akhir 'Cuckoo Malaysia Premier Futsal League' di antara Melaka menentang Selangor MBSJ bertempat di Kompleks Sukan Negara Panasonic Shah Alam.

Di dalam perlawanan tersebut, pasukan Selangor MBSJ telah memberikan tentangan yang sengit namun nasib menyebelahi pasukan Melaka apabila mereka menang tipis dengan keputusan 3 - 2.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Mohd Joehari Mohd Ayub, Naib Presiden Football Association Malaysia (FAM). Pasukan wanita Selangor MBSJ telah membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM20,000.00.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bersama Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar turut hadir memberikan semangat kepada pemain pada hari tersebut dan merakamkan ucapan syabas di atas kejayaan yang dicapai.



Di dalam masa yang sama, pasukan Selangor MBSJ juga turut berbangga apabila salah seorang ahli pasukan iaitu Cik Fatin Shahida binti Azmi telah terpilih sebagai 'Penjaring Terbanyak' sepanjang perlawanan berlangsung dengan jumlah jaringan terkumpul sebanyak 17 gol dan membawa pulang wang tunai RM3,500.00 beserta Barangan JOMA bernilai RM1,000.00.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka dan semoga kecemerlangan ini diteruskan pada masa hadapan.

SENARAI AKHIR PENJARING TERBANYAK
SELEPAS HARI PERLAWANAN 10 • 23 MAC 2022

FATIN SHAHIDA AZMI	17
BUNY SYAFIQAH ZAKARIAH	14
INTAN SARAH ANSARI ZULFARLI	12
SITI ROSNDAH ZAMRI	12
SITI KUNDUHALEEDA ISMAIL	9
NUJR ATRINA AZHAR	9
NUJRIH UMARAH AHMADIL MARAN	6
NUJRIH UMARAH AHMADIL MARAN	6
HANANI ADRIANA SHAMSUL AZIZAN	5
DIARIEF ROFINUS	5



Portal Ezy MBSJ

<https://ezy.mbsj.gov.my>

• Semua Jenis Urusniaga MBSJ



Kios Bayaran

A. KIOS MBSJ
B. PAYLINK GLOBAL
C. POS MALAYSIA



Perbankan Internet



JOMPAY

BIL CUKAI MBSJ SAHAJA

Biller Code : 6585


Ref 1 : No.akaun

Ref 2 : No Telefon

SALURAN PEMBAYARAN BIL MBSJ



Portal dan Aplikasi




Agensi Luar

A. POS MALAYSIA
B. PIHAK BERKUASA TEMPATAN SELANGOR
C. PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR



Aplikasi Telefon (e-wallet)



e-pay

Semua Stesen Minyak Dan Kedai Yang Mempunyai Logo E Pay



*Saluran Bayaran Terkini MBSJ

Sila
Imbas
Kod QR



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.